


SIRI SENIBINA LESTARI: SENIBINA UNTUK AUTISME

Pengarang: KIM Zhao Wei | 28 Jun, 2018

Ceramah yang sangat memberi inspirasi oleh oleh Ar. Mumtazah binti Mustajab, yang merupakan seorang arkitek dalam reka bentuk seni bina bagi keperluan-keperluan khas dan seorang ibu kepada seorang anak kecil autistic. Beliau menyatakan bahawa gangguan autism adalah satu perkara yang tidak boleh diendahkan kerana terdapat peningkatan pertumbuhan beberapa tahun kebelakangan ini. Malangnya, Malaysia masih belum mengambil langkah yang positif dalam mencari penyelesaian kepada isu ini.



Secara peribadi, saya pernah berjumpa dan terlibat dengan beberapa orang autistic. Mereka mempunyai satu gangguan yang menghalang mereka dari berinteraksi dan menjalankan aktiviti sehari-hari secara berdikari. Mereka memerlukan penjagaan khas di mana mereka diajar dengan kemahiran-kemahiran asas bagi membolehkan mereka hidup secara berdikari. Walaubagaimanapun, masih terdapat kekurangan kesedaran di Malaysia bagi gangguan penyakit ini dan memiliki anak yang luar biasa seperti ini menyebabkan kebimbangan keluarga, perselisihan pendapat dan pergaduhan.

Terdapat beberapa simptom yang menyerupai seorang autistic yang boleh dikenalpasti dengan jelas. Jika kita terserempak dengan orang sebegini, cuba untuk bersikap dengan sabar dan memahami terhadap mereka.

The following sections describe the signs of autism shown in the illustrations:

- Aloof in manner:** A boy stands with arms crossed, looking away from another boy.
- Inappropriate attachment to objects:** A boy sits on the floor holding a large white bucket.
- Doesn't respond when called, sometimes appears to be deaf:** A woman calls to a boy who is standing near a ball.
- Inappropriate laughing and giggling:** A boy sits on the floor laughing heartily.
- Avoids eye contact:** A boy sits in a chair, looking down at his feet while another boy stands nearby.
- Difficulty in mixing and playing with other children:** Two boys are standing; one is waving and the other is looking down.
- Does not point with the index finger to indicate interest:** A woman sits on the floor with two boys, but the boy on the right is not pointing.
- Can do something very well, but not tasks involving social understanding:** A boy sits cross-legged, focused on a small object on the floor.
- No understanding of fear and real dangers:** A boy plays with a toy car and a ball without concern for safety.
- Lack of pretend play or unusual and repetitive pretend play:** A boy sits at a table, stacking blocks in a repetitive pattern.
- Indicates needs by leading adults by the hand:** A boy holds an adult's hand and leads them forward.
- Likes sameness in everyday routine, does not enjoy change:** A boy and a girl stand together, both looking towards the left.
- Extreme restlessness, hyperactivity or extreme passivity:** A boy runs across the floor.
- Sometimes doesn't like to be hugged or touched:** A boy is being held by an adult.
- Crying tantrums, extreme distress for no apparent reason:** A boy sits on the floor, crying.
- Not responsive to normal teaching methods:** A teacher stands at a chalkboard, gesturing, while a boy sits on the floor looking elsewhere.
- Echoes words and phrases:** A boy and a girl stand, both with their hands raised and mouths open as if repeating words.
- Enjoys spinning and rotating objects:** A boy spins a ball on a table.
- Apparent insensitivity to pain:** A boy hangs from a swing without showing pain.
- Unusual behaviour or body movement such as flapping hands or rocking and jumping:** A boy jumps up and down with arms flapping.

Watch for the signs of autism. Detect early.

1. Autism affects the way the brain processes information and prevents individuals from properly understanding what they see, hear or otherwise sense, leading sometimes to challenging behaviour
 2. Autism affects more than 2million persons in India
 3. Early diagnosis and appropriate training can show significant progress
 4. Symptoms range from mild learning and social disability to severe impairment

Action For Autism (AFA) The National Centre for Autism
 Pocket 7 & 8 Jascola Vihar
 New Delhi-110025
 Tel: 011-65347422, 4054091/92
 actionforautism@gmail.com www.autism-india.org

actionaid india **ACTION FOR AUTISM**

Dengan sikap mereka yang bukan tipikal, terdapat keperluan-keperluan khas yang perlu diketahui apabila merekabentuk rumah mereka. Terdapat beberapa keperluan rekabentuk yang perlu diketengahkan, iaitu, ciri rangsangan, kumpulan umur dan juga terapi-terapi berkaitan. Perkara-perkara rangsangan perlu diambil kira secara serius oleh arkitek untuk merekabentuk rumah autistik.

Rangsangan sekitar seperti cahaya, bau, bunyi dan sentuhan yang berlebihan boleh memberi kesan buruk (pada skala di mana sebahagian besarnya boleh diterima oleh orang biasa) tetapi ianya boleh membantu jika mereka telah dilatih untuk mengendalikan rangsangan tersebut.

Pencahayaan tidak boleh terlalu silau dan kerlipan cahaya walaupun sedikit harus dielakkan kerana ianya akan mempengaruhi emosi mereka. Pemilihan warna juga akan memberi kesan kepada prestasi mereka, seperti warna biru memberi ketenangan dan fokus, manakala warna merah akan membawa sifat bertenaga dalam diri mereka. Infografik visual juga digunakan untuk berkomunikasi dengan mereka dengan lebih baik kerana sebilangannya mungkin tidak mempunyai perhubungan Bahasa yang baik. Bau dan bunyi persekitaran harus dikawal dengan baik bagi membolehkan mereka fokus dalam persekitaran pembelajaran mereka. Tekstur persekitaran juga harus ditekankan dan difikirkan dengan baik kerana mereka perlu dilatih untuk merasakan kesan sentuhan yang berbeza.

Beberapa perkara yang perlu dielakkan adalah:

- **Bucu tajam** – ketika mereka dalam keadaan yang tidak terkawal (disebabkan gangguan emosi dan bertindak agresif tanpa sedar), bucu yang tidak tajam dan permukaan yang lembut dapat mengurangkan kecederaan.
- **Skema warna atau corak yang rumit** – mereka selalunya sensitif terhadap visual dan akan terganggu (berjam-jam) disebabkan rekabentuk corak yang luar biasa. Warna-warna terang Cuma digunakan pada barang-barang yang memerlukan perhatian mereka.
- **Elemen melintang** – elemen-elemen secara melintang seperti kekisi kaca dan corak pagar akan menggalakkan mereka memanjat. Tanpa sebarang rasa bahaya, ini akan membahayakan keselamatan mereka.

Berikut adalah nasihat dan cadangan daripada penceramah:

- Penglibatan anak sebagai ahli keluarga (kedua-dua ibu bapa). Anak tersebut memerlukan keluarga yang lengkap untuk membesar dan belajar. Mungkin akan terdapat percaduan dan perselisihan pendapat antara suami isteri, namun ia perlu dijauhkan dari visual anak-anak. Selain mengelakkan dari memberi pengalaman buruk kepada minda anak-anak, perlakuan ibu bapa yang baik (setiap tingkah laku) akan ditiru oleh anak tersebut. Jadi, selain ibu bapa sebagai acuan mereka sendiri dan apa yang berlaku terhadap mereka nanti sangat bergantung kepada pembentukan keperluan ibu bapa itu sendiri.
- Sentiasa ingat untuk menjadikan anak itu bersedia untuk hidup secara berdikari (dengan pemerhatian yang minimum). Anak tersebut perlu dilengkapi dengan kemahiran asas untuk berdikari. Akan sampai suatu masa di mana ibu bapa tidak mampu lagi untuk menjaga mereka disebabkan umur yang lanjut. Dengan reality ini, ibu bapa harus melepaskan anak mereka dan membiarkan mereka hidup sendiri. Namun begitu, perkara ini bukanlah sesuatu yang mudah bagi ibu bapa itu sendiri kerana naluri mereka menyayangi anak tanpa batasan.

Walaubagaimanapun, kebanyakan ibu bapa di Malaysia masih belum dapat mencapai pemikiran sebegini di mana mereka sanggup melepaskan anak mereka hidup sendirian. Ini adalah disebabkan keadaan negara yang masih belum mampu untuk menyediakan persekitaran yang sesuai untuk austistik dewasa untuk hidup dan diperhati secara konsisten. Oleh itu, ini menyebabkan anak-anak tersebut kurang berkeyakinan untuk hidup dalam dunia yang kurang prihatin dan juga tahap penerimaan masyarakat.

Namun begitu, kemungkinan untuk golongan autistik berdikari boleh dicapai jika wujudnya komuniti kecil bagi perumahan mesra autistik dengan kemudahan pusat penjagaan yang berhampiran, penjaga persendirian dan profesional yang dapat membantu dan menyelia autistik tersebut untuk menjalani aktiviti kehidupan sehari-hari tanpa kehadiran ibu bapa mereka. Meskipun demikian, ianya akan menjadi satu perjalanan yang panjang dan satu usaha besar harus dilakukan dan komited untuk menjayakannya dan akhirnya memberi manfaat kepada golongan autistik.

Daripada ceramah ini, saya telah mendapat banyak inspirasi. Saya harap melalui perkongsian ini, saya dapat memberikan sumbangan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kumpulan orang yang luar biasa ini, dengan potensi yang masih tersembunyi dan menunggu untuk dikenali sebagai permata dunia.

KIM Zhao Wei
Arkitek Graduan
IPM Professional Services Sdn Bhd

***This Malay translation is for reference only. If the meaning of the Malay translation is inconsistent with the original English version, the original English version shall prevail.*